



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2.00 petang, 8 April 2025

Untuk Terbitan Media
8 April 2025

SIARAN MEDIA

LETUPAN PAIP GAS: 24 MANGSA LAYAK BANTUAN PERALATAN PEMULIHAN

KUALA LUMPUR: Semakan awal bagi penyaluran faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mendapati 24 daripada 46 mangsa tragedi letusan saluran paip gas, layak memohon bantuan peralatan pemulihan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata saringan terhadap kumpulan pertama mangsa tragedi hari kedua Syawal itu dibuat dalam kalangan mereka yang dimasukkan ke hospital dan klinik swasta di sekitar Lembah Klang.

Katanya, semakan lanjut akan diteruskan meliputi 88 mangsa yang dikenal pasti sedang menerima rawatan di hospital kerajaan di Kuala Lumpur, Serdang, Selayang, Shah Alam dan Klang.

“Difahamkan bahawa terdapat 134 mangsa terbabit dalam tragedi di Putra Heights, justeru PERKESO sudah membuat semakan awal merangkumi 46 orang, manakala selebihnya kita sedang menunggu maklumat rasmi dari hospital kerajaan.

“Daripada semakan awal, 24 mangsa layak memohon peralatan pemulihan seperti yang termaktub menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

“Sekiranya mereka memerlukan peralatan berkenaan, mereka boleh terus memohon dan PERKESO sedia membantu mendapatkan sokongan dan rawatan pemulihan yang bersesuaian,” katanya.

Mengulas lanjut, Dr. Mohammed Azman berkata, PERKESO sedia membantu proses tuntutan semua pencarum Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang terbencana semasa menjalankan pekerjaan dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang tercedera dalam insiden berkenaan.

Jelasnya, PERKESO cakna terhadap nasib menimpa mangsa tragedi, dengan Skuad PERKESO Prihatin Selangor dan Kuala Lumpur sentiasa berada di lokasi pada hari kejadian dan melawat mangsa di hospital untuk mendapatkan perkembangan terkini.

“Kita juga bersedia membantu semua mangsa menerusi Program Sinergi Sosial dengan menyalurkan maklumat kepada agensi lain supaya mereka mendapat bantuan bersesuaian.

“PERKESO bersimpati dengan nasib dialami mangsa tragedi dan didoakan agar mereka terus tabah menghadapi dugaan berat ini,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

8 April 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ridauddin Daud (+6019-3265772)

ridauddin.daud@perkeso.gov.my